

DATE: 9 /10/ 2010

# Negara gagal jika transformasi tak dilaksanakan

PUTRAJAYA 8 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menegaskan bahawa transformasi kerajaan mesti dilaksanakan atau Malaysia berdepan risiko menjadi negara yang gagal.

Perdana Menteri berkata, transformasi dilakukan bukan sahaja kerana peluang yang ada tetapi ia merupakan satu kemestian dalam kerajaan.

Serentak itu, kata beliau, tiga perkara perlu dilaksanakan untuk memastikan kejayaan transformasi itu iaitu penglibatan aktif semua pihak berkepentingan, persekitaran di mana pelaku utama bersedia menerima cabaran serta budaya untuk mencapai keputusan paling tinggi.

"Perubahan pada institusi dan struktur hanya boleh berlaku sekiranya pemimpin awam kita bukan sahaja memahami apa yang perlu dilakukan tetapi mereka juga perlu mempunyai sifat integriti, rendah diri dan keazaman untuk membawa negara ini ke tahap seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan perdana sempena pelancaran Razak School of Government (RSOG) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.



KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan menyampaikan cenderahati kepada Najib Tun Razak sambil diperhatikan oleh Dr. Hamidin Abdul Hamid selepas Perdana Menteri memberi syarahan dan melancarkan Razak School of Government di PICC, Putrajaya, semalam.

CC) di sini hari ini.

Najib berkata, sistem perkhidmatan awam negara perlu dilengkapi dengan mekanisme untuk mengukur kualiti modal insan dan mutu perkhidmatan yang disampaikan.

"Kita memerlukan satu standard

baru yang akan mewujudkan paradigma baru iaitu sesuatu yang mencerminkan jangkaan dan permintaan masyarakat.

"Saya percaya ukuran (ke atas modal insan) mesti selari dengan tahap kemajuan dan kedudukan yang menjadi

aspirasi bangsa berkenaan," katanya.

Beliau berkata, salah satu perkara yang perlu dijadikan penanda aras untuk mengukur sistem perkhidmatan awam ialah penilaian kakitangan awam yang berasaskan sistem merit.

"Tradisi naik pangkat yang berda-

sarkan kepada senioriti atau konco tanpa mengambil kira prestasi, bakat dan potensi sebenar mesti ditamatkan.

"Kita tidak boleh menanggung kewujudan kayu mati dan pemanas kerusi dalam negara," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, budaya bersaing secara sihat mesti diwujudkan untuk menghasilkan rombakan baru dalam perkhidmatan awam negara.

"Daya saing hanya boleh ditingkatkan sekiranya kita membenarkan persaingan, kita perlu berlumba-lumba dengan orang lain bagi meningkatkan kredibiliti dan efisiensi," katanya.

Beliau berkata, kakitangan awam juga perlu mempunyai pengetahuan dan tahap kesedaran yang tinggi selari dengan peredaran masa.

"Pembelajaran seumur hidup harus menjadi sebahagian daripada cara hidup kakitangan awam, supaya kehadiran kita dalam perkhidmatan sentiasa relevan sepanjang masa.

"Tahap kesedaran kita juga mesti mencerminkan permintaan masa sekarang dan masa depan, perubahan konstruktif mesti dilakukan," katanya.